

**ULASAN FILEM JOKER (2019) : ANALISIS PERSONALITI DAN PERSEKITARAN  
YANG MEMPENGARUHI WATAK ARTHUR FLECK**

Nur Anis Amalina Amir Hamzah<sup>1</sup>, Mohd Sobhi Ishak<sup>1</sup> & Azlina Abdullah<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Institut Kajian Etnik (KITA), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600, Bangi, Selangor, Malaysia.

<sup>2</sup>Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600, Bangi, Selangor, Malaysia.


**PENGENALAN**

Filem ini berkisarkan tentang Joker atau nama sebenarnya Arthur Fleck. Arthur pada mulanya merupakan seorang lelaki yang baik dan janggal dalam masyarakat. Beliau menghidap penyakit ketawa (*pathological laughter*) menyebabkan orang sekeliling menganggapnya pelik. Arthur tinggal di bandar Gotham yang kotor dan penuh dengan jenayah. Dia sering dibuli dan berasa tertekan lalu melakukan pembunuhan. Kegagalan Arthur mencipta nama dalam bidang komedi dan merasakan seolah dirinya tidak wujud dalam kalangan masyarakat menyebabkan Arthur mula hilang kewarasannya sedikit demi sedikit dan mula mencetuskan kekecohan dan pemberontakan di bandar Gotham. Dia diangkat sebagai penjenayah ikonik yang dikenali sebagai Joker. Hasil penelitian daripada filem ini, penyelidik membentangkan ulasan berdasarkan teori dan konsep yang berasaskan ilmu sosiologi dan antropologi. Sebelum itu, penyelidik akan menjelaskan satu kerangka konseptual berdasarkan imaginasi sosial.

Hasil lakaran kerangka konseptual dibawah, penyelidik cuba untuk menjelaskan bagaimana Arthur yang asalnya seorang lelaki biasa bertukar menjadi Joker hasil pengaruh daripada dua faktor iaitu personaliti dan persekitaran. Dibawah angkubah personaliti, penyelidik cuba untuk mengembangkan teori dan konsep berkenaan konsep sosialisasi, kesihatan mental, teori simbolik interaksionalisme dan juga teori dramaturgi. Sementara angkubah kedua dibawah persekitaran pula menerangkan teori konflik dan konsep kelas sosial. Akhir sekali, penyelidik akan menjelaskan bagaimana kedua-dua pembolehubah ini menghasilkan anomi dalam perlakuan Joker.

Sebelum penyelidik mengulas dengan lebih lanjut berkenaan filem ini, terlebih dahulu penyelidik membincangkan aliran pemikiran yang dimiliki oleh Arthur Fleck. Beliau merupakan seorang individu yang mempunyai pemikiran konstruktivisme sosial (*social constructivism*). Pemikiran ini merupakan satu sumber ilmu yang dimiliki oleh individu dengan cara memberi penilaian makna sendiri. Penyelidik menumpukan kepada konstruktivisme sosial di mana menurut Chrintine Aguis (2013), konstruktivisme sosial mendedahkan bagaimana kehidupan manusia bukannya hasil daripada sesuatu yang semulajadi, sebaliknya, kehidupan manusia hanyalah satu tipu daya melalui tingkah laku dan tindakan manusia itu sendiri. Konstruktivisme sosial dalam aliran pemikiran Arthur adalah dipengaruhi oleh personaliti dan persekitaran seperti yang dijelaskan dalam kerangka konseptual penyelidik. Oleh itu, hasil interaksi sosial yang berlaku telah menyebabkan Arthur mencipta identiti baru dirinya sebagai Joker.

## KERANGKA KONSEPTUAL



Rajah 1 : Kerangka Analisis Filem Joker

## ULASAN PERSONALITI

### Konsep Sosialisasi

Angkubah pertama iaitu personaliti, menghuraikan sosialisasi sebagai langkah pertama dalam pembentukan individu. Sosialisasi adalah proses di mana seseorang individu mempelajari peranan, status, nilai, kepercayaan, norma dan tingkah laku sosial yang perlu ada pada seseorang dalam institusi sosial iaitu masyarakat (Bernard, 2007). Keluarga, media massa dan institusi pendidikan adalah antara agen sosialisasi yang banyak mempengaruhi perkembangan kanak-kanak. Di peringkat permulaan sosialisasi berlaku, kanak-kanak belajar daripada orang dewasa atau ahli keluarga bagi membina konsep diri, personaliti, kemahiran dan penakulan (Suria, 2003). Kehidupan Arthur yang membesar dalam keadaan trauma dan kurang kasih sayang ibu bapa menjadikan Arthur kelihatan murung dan pelik di mata rakan sekerja dan orang sekelilingnya. Arthur juga didedahkan kepada persekitaran sosial yang buruk akibat tinggal di kawasan yang mempunyai jenayah yang berleluasa, pengangguran yang tinggi dan majoriti penduduk yang miskin. Hal ini menunjukkan proses sosialisasi di dalam dan luar keluarga Arthur gagal memberikan Arthur kehidupan yang sejahtera.

Media massa juga merupakan agen sosialisasi yang penting dalam kehidupan Arthur. Arthur dan ibunya menggemari rancangan Murray Franklin di televisyen dan sering menontonnya bersama. Rancangan tersebut menggambarkan Murray sebagai seorang yang ceria dan lucu. Oleh itu, Murray dijadikan idola dan sumber dorongan kepada Arthur untuk menjadi popular sehingga Arthur mula belajar dan meniru aksi Murray ketika mengacara. Kadang-kala, Arthur berimajinasi menjadi seorang pengacara yang dapat menarik perhatian ramai penonton. Selain sebagai sumber hiburan, pengaruh media massa juga membentuk karakter dan perilaku Arthur sebagai seorang penghibur. Hal ini menunjukkan media massa telah menjadi institusi sosial bagi Arthur untuk mempelajari dan memahami norma dan nilai sosial dalam anggota masyarakat.

Seterusnya, ahli terapi Arthur juga adalah agen sosialisasi dan golongan yang paling hampir dalam kehidupan Arthur selepas ibunya. Arthur bukan sahaja mempunyai masalah mental tetapi menderita penyakit yang dikenali sebagai *pseudobulbar condition*. Penyakit ini juga dikenali sebagai *pseudobulbar affect* (PBA) atau emosi pseudobulbar merupakan gangguan neurologis yang menyebabkan ketidakmampuan seseorang untuk mengawal emosi. Gejala PBA memberi kesan kepada ketawa berlebihan, menangis, marah, atau reaksi emosional lain yang tidak sesuai dengan situasi atau perasaan yang sebenarnya dirasakan oleh individu (Miller et al. 2011). Hal ini memaksa Arthur bergantung kepada ubat-ubatan dan berjumpa dengan psikiatri secara kerap. Interaksi antara Arthur dan ahli terapinya membantu Arthur untuk berkongsi cerita dan meluahkan isi hatinya. Oleh itu, ia dapat mendorong perkembangan emosi dan sosial Arthur. Namun, apabila kerajaan di bandar Gotham mengurangkan dana Perkhidmatan Kesihatan Awam, Arthur telah kehilangan sumber sokongan sosial yang membantu Arthur untuk mendapatkan rawatan.

### Kesihatan Mental

Menurut Talcott Parsons (1951), penyakit adalah suatu fenomena sosial dan bukan hanya keadaan fizikal. Kebanyakkannya ahli penyelidik bersetuju bahawa antara punca gangguan mental adalah daripada kemunduran masyarakat atau menandakan kepincangan dalam masyarakat (Liem et al 1978). Antara punca penyakit adalah daripada hubungan intrapersonal yang bermasalah dengan masyarakat semasa proses interaksi sosial. Sekiranya seseorang menerima

sokongan yang kurang daripada masyarakat, ia boleh mengubah seseorang itu daripada individu normal kepada individu patologi (Bhattacahrjee et al 2011). Hal ini terbukti apabila keadaan Arthur semakin merosot. Arthur kehilangan pekerjaan, bimbingan kaunseling, akses kepada ubat dan hubungan dengan ibunya menjadikan dirinya terabai. Penyakit Arthur turut mencetuskan perasaan negatif yang merasakan dirinya tidak diperlukan dan dikehendaki oleh masyarakat. Oleh itu, Arthur cuba bunuh diri dengan cara mengurung dirinya dalam peti ais akibat tidak tahan akan tekanan persekitaran yang dihadapinya.

Selain itu, perspektif *functionalist* mengatakan kesihatan adalah salah satu pra syarat untuk kelancaran fungsi masyarakat (Liem et al 1978). Sekiranya seseorang jatuh sakit maka individu tersebut tidak dapat memenuhi objektif yang ditujukan kepadanya oleh masyarakat dan dianggap *deviance* kerana melanggar norma dan etika sosial (Bhattacahrjee et al 2011). Meskipun Arthur mempunyai masalah mental, Arthur merupakan pekerja yang berdedikasi dan kelihatan seperti individu yang normal serta ceria ketika bekerja. Arthur juga memenuhi peranan dan tanggungjawabnya sebagai anak dengan baik. Namun, keadaan tersebut berubah apabila Arthur menunjukkan tingkah laku yang ganas dengan melibatkan ancaman nyawa. Punca keganasan merupakan suatu tindak balas sosial bagi mencapai kepuasan dan kesenangan dan bukan disebabkan kesihatan mental Arthur.

### **Teori Simbolik Interaksionalisme**

Teori ini menjelaskan bahawa agensi menentukan struktur. Manusia memberi makna terhadap tingkahlaku mereka sendiri dan berkait rapat dengan definisi situasi, pandangan realiti dari sudut pandangan individu tersebut. Interaksi di dalam teori ini adalah proses interpretasi dua hala (*two-way interpretive process*). Proses ini juga memerlukan kita memahami tindakan seseorang adalah sebagai satu produk (Jones, 2003). Perlakuan manusia merupakan produk intepretasi manusia tentang dunia di sekeliling mereka. Oleh itu, perlakuan manusia bukan dipelajari atau ditentukan oleh sesuatu di luar manusia. Sebaliknya, sesuatu perlakuan manusia adalah dipilih sebagai perlakuan yang sesuai berdasarkan kepada apa yang telah diinterpretasikan oleh manusia tersebut. Teori daripada pemikiran Max Weber ini menerangkan bahawa tindakan sosial yang dilakukan oleh individu didorong oleh hasil pemaknaan sosial terhadap lingkungan sekitarnya. Manusia boleh mengubah makna dan simbol yang mereka gunakan dalam interaksi dan semasa bertingkah laku berdasarkan kepada penginterpretasian mereka tentang keadaan interaksi (Bernard, 2007).

Pendekatan teori ini boleh dilihat melalui dua situasi yang berbeza berdasarkan satu simbol yang sama. Badut secara umum membawa makna gelagat yang lucu, gembira dan ceria. Simbol badut ini dibawa oleh Arthur pada permulaan cerita ketika dia bekerja dan menuntutnya untuk sentiasa tersenyum dan gembira seperti moto hidupnya, '*put on a happy face*'. Masyarakat juga telah meletakkan satu interpretasi bahawa peranan sebagai seorang badut haruslah sentiasa senyum dan jelas membuktikan bahawa masyarakat berinteraksi dengan simbol-simbol yang diberi makna oleh pelaku tersebut untuk menjelaskan situasi (*define the situation*).

Namun, simbol dan makna badut telah berubah setelah berlakunya peristiwa pembunuhan yang mencetuskan gelombang pemberontakan. Bagi sebilangan besar masyarakat di bandar Gotham, simbol badut yang dibawa oleh Joker adalah hero ikonik yang berani. Sementara bagi kerajaan (struktur), simbol badut yang dibawa oleh Joker adalah penjenayah. Segolongan besar masyarakat kelas sosial bawahan ini berinterpretasi bahawa tindakan Arthur tersebut dianggap wajar dan dapat mengubah nasib mereka. Manusia boleh mengubah makna

dan simbol yang mereka gunakan dalam interaksi dan semasa bertingkah laku berdasarkan penginterpretasian mereka tentang keadaan interaksi. Ini membuktikan bahawa manusia boleh membuat perubahan atau pengubahsuaiannya kerana mereka ada keupayaan berinteraksi sesama sendiri dan pada masa sama, menilai kebaikan dan keburukan yang mereka perolehi atau alami dan kemudian membuat pilihan mana yang mereka suka. Maka dapat disimpulkan, pembentukan imej Joker yang diangkat sebagai hero dalam pemberontakan terhadap kerajaan (struktur) adalah terhasil daripada interpretasi masyarakat (*self-image*) terhadap beliau.

### **Teori Dramaturgi**

Teori Dramaturgi merupakan lanjutan daripada simbolik interaksionalisme yang dipelopori oleh tokoh Erving Goffman dalam bukunya, *Presentation of Self in Everyday Life* di mana agensi menentukan struktur. Goffman melihat ‘*self*’ bukan sebagai milik aktor atau pelaku, melainkan ianya ialah hasil interaksi antara aktor dan penonton. Maksudnya, ‘*self*’ mengarahkan tingkah lakunya sesuai dengan harapan penonton yang diperolehi aktor semasa berinteraksi dengan penonton (Bernard, 2007).

Aplikasi teori ini dapat dilihat dalam filem Joker apabila Arthur sebagai watak utama menjalani kehidupan berdasarkan konsep ‘*front stage*’ dan ‘*back stage*’. ‘*Front stage*’ ialah tempat untuk menunjukkan persembahan iaitu menunjukkan apa yang orang lain ingin lihat, maka Arthur memainkan wataknya sebagai seorang badut dan pengibur (*stand-out comedian*) di hadapan masyarakat dengan baik. Malahan, beliau juga memainkan watak dengan baik sebagai seorang anak yang patuh kepada ibunya, pekerja yang rajin, dan juga sebagai pesakit yang memerlukan rawatan kaunseling. Menurut Goffman lagi, pada umumnya manusia berusaha menampilkkan ‘*self*’ yang ideal dalam ‘*front stage*’ sehingga mereka terpaksa menyembunyikan sikap sebenar mereka ketika beraksi.

‘*Back stage*’ merupakan diri sebenar aktor di mana tingkah laku tidak formal boleh muncul. Malah, aktor akan cuba sedaya upaya untuk menghalang penonton daripada melihat ‘*back stage*’. Arthur ketika bersendirian tanpa diawasi oleh mana-mana individu, bertindak di luar norma seperti bercakap seorang diri seolah-olah sedang ditemu ramah oleh Murray. Tambahan pula, selepas aksi tembak menembak di stesen kereta api, Arthur menari seolah-olah berada dalam dunianya sendiri. Aksi-aksi seperti ini tidak ditonjolkan oleh Arthur ketika berada di hadapan masyarakat. ‘*Back stage*’ merupakan tempat di mana dia tidak perlu bertingkah laku sesuai dengan harapan orang lain.

### **ULASAN PERSEKITARAN**

#### **Teori Konflik**

Seterusnya masyarakat juga memainkan pengaruh yang besar terhadap pergolakan filem ini yang mengubah watak personaliti Arthur sehingga menjadi Joker. Pendekatan teori Marxisme digunakan untuk menerangkan mengenai perspektif konflik dalam masyarakat Gotham. Marxisme, seperti yang diterangkan oleh Rashid (2011), apa jua sistem termasuk kehidupan masyarakat, konflik persaingan dan kontradiksi adalah suatu yang semula jadi. Dalam perspektif konflik, struktur sesuatu masyarakat itu terletak pada persaingan atau konflik antara kumpulan yang berkepentingan yang akan mengawal dan menguasai segala yang bernilai dalam masyarakat (Rashid, 2011). Oleh itu, konflik menurut pandangan Marxisme adalah sesuatu yang sentiasa wujud dan menjadi pemangkin untuk perubahan sesuatu masyarakat itu (Rosen, 1998). Konflik seperti mana yang diterangkan oleh Rashid (2011) bukan hanya

mengenai kekasaran atau pertumpahan darah tetapi konflik dipersembahkan dalam bentuk sekurang-kurangnya dua pihak atau agregat sosial yang berbeza kepentingan dalam memperjuangkan kepentingan mereka.

Penjelasan ini boleh dikaitkan dengan watak Arthur yang berkonflik dengan masyarakat di sekelilingnya yang telah membuatnya berubah menjadi Joker. Arthur yang mempunyai konflik dengan individu-individu di sekelilingnya seperti dengan ibu, rakan sekerja, majikan, anak-anak muda yang membuli, psikitari, tiga orang pekerja Wall Street, Thomas Wayne, Murray Franklin dan kerajaan Gotham itu sendiri. Konflik dengan ibunya, Penny Fleck tercetus apabila dia mengetahui bahawa dia adalah anak angkat dan didera sehingga menghadapi penyakit ketawa. Kemuncak konflik antara Arthur dan ibunya, apabila dia mengetahui ibunya juga merupakan penghidap penyakit mental dan pada waktu dulu tidak melindungi Arthur dari didera oleh teman lelakinya. Konflik terus berlaku apabila rakan sekerja Arthur, Randall yang mengkhianatinya dengan tidak mengaku bahawa pistol yang dimiliki oleh Arthur adalah pemberiannya. Konflik antara Arthur dan majikankannya pula tercetus apabila Arthur telah dituduh mlarikan diri bersama papan tanda kedai elektronik dan berakhir dengan gajinya dipotong.

Seterusnya konflik juga dapat dikaitkan dengan ekonomi. Reiman (1979) telah mengemukakan teori konflik dalam jenayah melalui bukunya *The Rich Get Richer And The Poor Get Prison*. Menurutnya, kelas bawahan akan ditangkap dan dituduh dalam kelakuan jenayah yang dibuat seperti mencuri, merompak dan membuat serangan. Namun, kesalahan-kesalahan seperti pecah amanah dan lari cukai yang dilakukan oleh kelas atasan dan pertengahan dianggap tidak berbahaya atau dipandang remeh, sedangkan kesalahan yang dilakukan oleh kelas bawahan dilayan seperti pesalah jenayah yang besar. Bagi Reiman (1979) kita sering melihat dan mendengar tentang perbuatan salah dalam analisis jenayah tentang kesalahan jenayah kelas bawahan. Ini menyebabkan kesalahan besar dan lebih bahaya yang dilakukan oleh kelas atasan terus hilang dan lenyap begitu sahaja. Secara amnya menurut Reiman walaupun sistem keadilan dianggap berjaya tetapi masih ada kegagalannya. Hal ini terbukti dalam isu pembunuhan tiga pekerja Thomas Wayne.

### Konsep Kelas Sosial

Penganalisan Marx tentang stratifikasi sosial adalah untuk melihat ketidaksamaan disebabkan kewujudan kelas-kelas sosial. Marx membahagikan masyarakat kepada dua kelas utama yang bermusuhan, satu golongan penindas yang menguasai punca-punca pengeluaran dan satu lagi golongan yang tertindas. *Theory of Revolution* oleh golongan Marxist menekankan bahawa pemberontakan adalah ciri penting yang menjurus kepada konflik struktur kelas (Bernard, 2007). Konflik kelas akan mendorong masyarakat umum menggunakan revolusi sebagai alat bantahan dan kebanyakannya berakhir dengan keganasan. Kesedaran kelas penting bagi menimbulkan satu tindakan kolektif.

Semasa temubual oleh Murray Franklin, Arthur mengatakan “*Oh, why is everybody so upset about these guys? If it was me dying on the sidewalk, you'd walk right over me. I pass you everyday and you don't notice me! But these guys, what, because Thomas Wayne went and cried about them on TV?*” Dialog Arthur ini cuba untuk memperlihatkan konsep kelas sosial yang mengategorikan tiga pekerja Thomas Wayne sebagai kelas atas. Walaupun kelas atasan melakukan kesalahan iaitu melakukan kekasaran dan provokasi terlebih dahulu tetapi disebabkan Arthur daripada kelas bawahan yang mengakhirkkan konflik dengan pertumpahan darah, maka kesalahan itu dilihat begitu besar dan dikecam.

Arthur menambah lagi bahawa, sistem sosial di Gotham hanya mementingkan golongan kelas atasan semata-mata ketika ditemubual oleh Murray, “*Do you ever actually leave the studio? Everybody just yells and screams at each other. Nobody's civil anymore! Nobody thinks what it's like to be the other guy. You think men like Thomas Wayne ever think what it's like to be someone like me? To be somebody but themselves? They don't. They think that we'll just sit down and take it like good little boys! That we won't werewolf and go wild!*”. Filem ini jelas menggambarkan sistem sosial kerajaan Gotham adalah bersifat kapitalis kerana mementingkan golongan yang berkepentingan sahaja. Harris (2003) juga menjelaskan, Marxisme mengaitkan sistem kapitalis yang diamalkan menguntungkan pihak yang berkepentingan di dalam sistem kapitalis. Oleh itu, kapitalisme menurut Marxisme akhirnya akan membawa kepada konflik bukan hanya pada pemilik dan buruh tetapi juga kepada masyarakat (Haris, 2003; Rosen, 1998)

## ANOMI

Menurut Carrabine et al. (2014) melalui kajian Merton(1938) telah mentafsirkan bahawa anomia ialah norma yang telah rosak. Pengaruh personaliti dan persekitaran yang berlaku kepada Arthur telah mewujudkan anomia dalam filem ini Arthur berhadapan dengan tekanan dan ketegangan setelah usahanya menemui kegagalan untuk berjaya dalam bidang komedi. Dia tidak lagi percaya pada cara konvensional untuk berjaya dan popular. Hal ini turut dibincangkan oleh (Merton 1938) di dalam kajian teori Anomi.

Menurut Merton(1938) manusia cenderung untuk melakukan jenayah akibat tekanan persekitaran dan ketegangan. Ini bagi memenuhi kehendak masyarakat yang telah menetapkan satu penanda aras bagi tafsiran orang yang berjaya. Menurut Merton (Merton 1938) lagi masyarakat melihat seseorang itu berjaya jika dia bekerja kuat dan sentiasa berusaha namun Merton(1938) juga menyatakan tidak semua orang boleh berjaya dengan bekerja kuat kerana peluang seseorang itu tidak sama. Bagi orang yang dibesarkan dalam keadaan miskin dan didera dari kecil seperti watak Arthur, merasakan tidak mungkin keadaan ini dapat diatasi dengan bersikap konvensional iaitu bersikap rajin dan berusaha semata mata kerana ketidakadilan dalam persaingan sentiasa berlaku dalam masyarakat bandar Gotham. Hal ini berbeza dengan seseorang yang dilahirkan dari asal usul keluarga kaya dan tidak mempunyai masalah keluarga. Oleh itu untuk mencapai juga aras kejayaan yang ditetapkan oleh masyarakat, Arthur telah menggunakan pendekatan yang lain dengan meninggalkan cara konvensional tetapi dia telah mengambil pendekatan melakukan jenayah iaitu mencetuskan pemberontakan di bandar Gotham.

## RUMUSAN

Penyelidik melihat fenomena sosial di bandar Gotham pada babak pertengahan dan terakhir adalah hasil daripada pergerakan sosial baru (*new social movement*) iaitu rusuhan dengan memegang sepanduk ‘*Kill Rich*’. Penindasan dan ketidakadilan sosial telah membuatkan masyarakat mempunyai keupayaan berfikir tentang realiti kehidupan sebenar. Oleh itu mereka mula bertingkah laku secara sedar dengan melakukan pemberontakan dan rusuhan yang tidak mampu dikekang oleh kerajaan (struktur). Maka, fenomena tersebut dan masyarakat memberi nilai kepada fenomena tersebut. Pendekatakan fenomena ini boleh dilihat dalam teori fenomenologi yang diasaskan oleh Edmund Husserl (Bernard, 2007).



Natijahnya, Joker memainkan peranan yang begitu besar terhadap kewujudan fenomena sosial di bandar Gotham. Masyarakat telah mengangkat Joker sebagai pencetus fenomena sosial dan menganggap Joker sebagai penjenayah ikonik dan wira dalam kalangan masyarakat yang terpinggir. Arthur yang dahulunya merupakan individu yang tidak dikenali dan sering ditindas kini telah menjadi Joker yang dikenali ramai dan status sosialnya diangkat ke tahap yang lebih tinggi dalam masyarakat. Pada akhirnya, Arthur meneruskan kehidupannya sebagai Jo' watak Arthur yang lemah tiada lagi dalam dirinya.

## RUJUKAN

- Bernard, R. 2007. *Teori Sosiologi Modern*. Prestasi Pustaka Publisher Jakarta. 116-123
- Busfield, J. 2000. Introduction: rethinking the sociology of mental health. *Sociology of Health & Illness* 22(5): 543-558.
- Carrabine, E., Cox, P., Fussey, P., Hobbs, D., South, N., Thiel, D. & Turton, J. 2014. *Criminology: A sociological introduction*. Routledge.
- Dipanjan Bhattacharjee, Navendra Kr. Singh, Atul Kr. Rai, Pradeep Kumar, A.N Verma & Sanjay Kr. Munda. 2011. Sociological understanding of psychiatric illness: an appraisal. *Delhi Psychiatry Journal* 14(1): 55-62.
- Harris, D. (2003). *Teaching yourself social theory*. London ; Thousand Oaks: Sage Publications.
- Liem, R. & Liem, J. 1978. Social class and mental illness reconsidered: the role of economic stress and social support. *Journal Health Social Behavior* 19:139-156.
- Merton, R. K. 1938. Social structure and anomie. *American sociological review* 3(5): 672–682.
- Miller, A., Pratt, H. & Schiffer, R. B. 2011. Pseudobulbar affect: The spectrum of clinical presentations, etiologies and treatments. *Expert Review of Neurotherapeutics* 11(7): 1077–1088. doi:10.1586/ern.11.68
- Parsons T. 1951. *The Social System*. Routledge: London.
- Jones, P. (2003). *Introducing Social Theory*. UK: Polity Press.
- Rashid, M. R. A. (2011). Pelajaran 2 - Keperagaan Perspektif Sosiologi dan Antropologi *JKA 212 Isu-Isu Sosiologi dan Antropologi* (pp. 15): Pusat Pengajian Jarak Jauh, USM.
- Rosen, M. (1998). Karl Marx. In E. Craig (Ed.), *Encyclopedia of Philosophy*. London: Routledge.
- Suria. 2003. *Proses Sosialisasi*. Slaid. Selangor: Universiti Putra Malaysia
- Zusman, J. 1966. Sociology and mental illness: some neglected implications for treatment. *Arch Gen Psychiat* 15: 635-648.



*Journal of Ethnic and Diversity Studies (JOEDS)*

Volume 1, Issue 1

Nur Anis Amalina Amir Hamzah  
Institute of Ethnic Studies (KITA)  
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)  
MALAYSIA  
[p126829@siswa.ukm.edu.my](mailto:p126829@siswa.ukm.edu.my)

Mohd Sobhi Ishak  
Institute of Ethnic Studies (KITA)  
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)  
MALAYSIA  
[msobhi@ukm.edu.my](mailto:msobhi@ukm.edu.my)

Azlina Abdullah  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK),  
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM),  
MALAYSIA  
[azlina\\_ab@ukm.edu.my](mailto:azlina_ab@ukm.edu.my)